



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

4 OKTOBER 2020

1. Semua Klinik Klinik Haiwan dikesan buang sisa klinikal di Sungai Gong
2. 70 kes tren langgar ternakan

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 4 Oktober 2020

Media Cetak/Elektronik	Berita Harian	Catatan:
Ruang	Nasional	
M/Surat	7	
Perkara	Garis Panduan Sisa Klinikal	

Klinik haiwan dikesan buang sisa klinikal di Sungai Gong

Peserta gotong-royong bersih denai temui jarum, picagari

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Rawang: Sebuah klinik haiwan dikesan membuang sisa klinikal seperti jarum, picagari dan bekas dipercayai digunakan dalam pembedahan yang masih mempunyai kesan darah ke dalam Sungai Gong, di sini.

Sisa klinikal itu ditemui pegawai penyiasat Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang menjalankan aktiviti gotong-royong bersama Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) bagi pembinaan denai di sungai berkenaan, semalam.

Ketua Pengarah JAS, Norlin Jaafar berkata pembuangan sisa klinikal ke dalam sungai adalah kesalahan serius kerana boleh mengakibatkan risiko kesihatan seperti jangkitan penyakit jika ia perlu dilupuskan melalui kaedah yang sepatutnya.

"Kita jumpa sisa klinikal seperti jarum, picagari dan bekas yang dipercayai digunakan untuk proses pembedahan dan masih ada kesan darah. Sisa ini berisiko terhadap kesihatan kerana boleh mengakibatkan penyakit berjangkit, lebih-lebih lagi apabila dibuang ke dalam sungai."

"Ia ditemui ketika gotong-royong bersihkan, namun kita



Pegawai penyiasat JAS memeriksa sisa klinikal di tebing sungai ketika program gotong-royong membina denai di Sungai Gong, Rawang, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

sudah mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab, iaitu sebuah klinik haiwan berhampiran," katanya.

Norlin menjelaskan, JAS terus membuka kertas siasatan sebaik menemui sisa klinikal dalam sungai berkenaan dan akan mengambil tindakan mengikut Seksyen 3b Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Kita terus membuka kertas siasatan sejurus sisa klinikal ini ditemui. Sisa ini akan dihantar ke Jabatan Kimia untuk siasatan lanjut. Kita jangka hasil laporan kimia dapat dikeluarkan dalam tempoh tiga hari dan akan dijadikan bahan bukti penting," katanya.

Norlin berkata, JAS juga mengesahkan kesalahan pembakaran ter-



Norlin Jaafar

buka oleh pemilik pusat komersial berhampiran Sungai Gong yang bukan sahaja mengakibatkan pencemaran sungai, tetapi juga udara.

"Kita kesan ada kedai seperti kedai perabot di sini melakukan pembakaran barang lama di be-

lakang premis mereka dan ini satu kesalahan kerana pembakaran terbuka sama sekali tidak dibenarkan," katanya.

Awal bulan lalu, 1,292 kawasan di tujuh wilayah sekitar Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air berikutan pencemaran Sungai Gong akibat pencemaran minyak dari industri berhampiran sehingga menjadikan kir-a-kira lima juta pengguna.

Tujuh wilayah berkenaan ialah Kuala Lumpur, Petaling, Klang/Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat.

Susulan itu, empat ahli lembaga pengarah dan seorang pengurus syarikat membaiki jentera berat didakwa di mahkamah sebelum mereka dibenarkan ikat jamin.

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 4 Oktober 2020

Media Cetak/Elektronik	Berita Harian	Catatan:
Ruangan	Nasional	
M/Surat	17	
Perkara	Kebajikan Haiwan	

70 kes tren langgar ternakan

Kuala Krai: Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Wilayah Timur mencatatkan 70 kes pelanggaran membabitkan tren dan ternakan seperti lembu, kerbau serta kambing sepanjang jajaran di Semenanjung dalam tempoh Januari hingga September tahun ini.

Ketua Komunikasi Strategik KTMB, Ahmad 'Asri Khalbi, berkata sepanjang tahun lalu, 121 kes tren melanggar haiwan ternakan direkodkan.

Katanya, pada tahun ini dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), KTMB mengadakan lima siri pertemuan dengan penternak iaitu di Labu dan Jempol (Negeri Sembilan), Bera (Pahang), Tapah serta Gua Musang (Kelantan).

"Lokasi ini menjadi titik panas atau 'hot spot' kerap berlaku insiden kereta api melanggar haiwan ternakan."

"Pada pertemuan itu, kami mengingatkan penternak tidak membiarkan ternakan berke liaran kerana ia boleh membahayakan penumpang dan tren," katanya ketika ditemui di Stesen Keretapi Dabong, di sini.

Beliau berkata, walaupun peringatan dikeluarkan kepada penduduk yang tinggal berdekatan laluan tren, masih ada dalam kalangan mereka berdegil dan tidak mengambil serius peringatan berkenaan.